

PENYELIDIKAN MERUPAKAN SATU SENI UNTUK MENYINGKAP PENGETAHUAN BARU

Abdullah Haji Abdul Ghani^{*}

Kertas ini cuba menjelaskan maksud penyelidikan dan tujuan sesuatu penyelidikan dijalankan. Kertas ini juga menegaskan betapa pentingnya ilmu penyelidikan kepada seorang pengurus dan menyedarkan kita dari mana sesuatu pengetahuan itu datang. Namun begitu, hasil pengetahuan yang dihasilkan penyelidikan saintifik masih boleh dipertikaikan, ini normal disebabkan penyelidik terpaksa berhadapan dengan masalah subjektiviti, berbagai limitasi dan terpaksa membuat beberapa andaian bagi membolehkan sesuatu penyelidikan saintifik dapat dilaksanakan.

Pengenalan

Penyelidikan bukanlah sesuatu yang asing bagi luta. Dalam kehidupan seharian, kadang kala peralatan yang kita gunakan mengalami masalah atau ada sesuatu yang tidak kena. Kita akan mencari punca masalah tersebut. Apabila punca masalah dapat dikenal pasti, kita akan mencari jalan untuk mengatasinya. Masalah sedemikian munglun kita anggap kecil dan mudah untuk diselesaikan. Bagaimana kalau produktiviti organisasi kita tiba-tiba merosot. Keadaan ini mungkin memerlukan penelitian yang lebih rapi untuk mencari punca masalahnya. Mungkin disebabkan peralatan yang sedang digunakan tidak berfungsi seperti yang sepatutnya. Munglun juga disebabkan oleh kelalaian para pekerja dan sebagainya. Bagaimana pula jika sekiranya pekerja kita tidak ghairah untuk melaksanakan tugas mereka. Apakah yang menyebabkan keadaan itu berlaku? Ini memerlukan satu penelitian yang lebih mendalam dan kompleks berbanding masalah yang telah dinyatakan sebelum ini. Bagaimana pula kalau luta ingin mengetahui kenapa sumbang mahram semakin kerap berlaku di kalangan orang dewasa di tempat kita, atau lebih luas daripada itu di daerah luta, di bandar-bandar besar, di negara luar dan sebagainya. Ini semua memerlukan satu penelitian yang rapi, mendalam dan menggunakan peralatan tertentu bagi memahami fenomena-fenomena tersebut. Menurut Sakaran (2000), penyelidikan dikatakan sebagai satu proses untuk mencari penyelesaian kepada sesuatu masalah setelah membuat satu analisis dan penelitian yang mendalam terhadap faktor-faktor yang berkaitan.

^{*} Dr. Abdullah Haji Abdul Ghani, Pensyarah Pengurusan, Sekolah Pengurusan, Universiti Utara Malaysia.

Penyelidikan juga dikatakan sebagai satu seni untuk menyingkap (*the art of discovery*) pengetahuan baru. Seseorang yang ingin menyingkap ilmu pengetahuan yang baru, perlu mempunyai kemahiran dan gaya tersendiri. Tidak semua orang mampu melakukannya dengan sempurna. Umpamanya seni laluan dan kraf tangan, tidak semua orang berkeupayaan untuk menghasilkan lukisan atau kraf tangan yang cantik. Ada orang yang mahir dan cekap melakukannya, bahkan laluan lihat mereka yang dianugerahkan kemahiran kesenian tersebut amat mudah melakukannya, tetapi tidak pula bagi mereka yang tidak berbakat. Justeru itu, untuk menyingkap sesuatu pengetahuan baru, penyelidik memerlukan daya kreativiti dan pemikiran yang mendalam. Umpamanya, jika laluan ingin mengkaji punca berlaku penyelewengan kad kredit di Malaysia. Kita seharusnya memikirkan bagaimana ia boleh dilakukan. Kaedah yang kita pilih semestinya sesuatu yang logik, mudah difahami dan menepati tatacara kajian saintifik. Antara lain, kita harus memiliran siapakah bakal responden laluan? Adakah mereka terdiri daripada penjenayah kad kredit? Kalau jawapannya ya, adakah kita berkeupayaan mendapatkan senarai mereka yang berkenaan? Di manakah boleh kita perolehi senarai tersebut? Adakah boleh diperolehi daripada institusi kewangan yang menawarkan kad kredit? Apakah mereka akan mengeluarkan senarai pesalah-pesalah tersebut? Sama ada ia tidak bercanggah dengan prinsip kerahsiaan institusi kewangan yang berpegang kepada prinsip kerahsiaan pelanggan yang mesti dijaga dan sebagainya.

Oleh itu, bagi membolehkan proses menyingkap ilmu pengetahuan baru dapat dilaksanakan, maka kreativiti penyelidik amat diperlukan. Munglun kita tidak boleh menjadikan penjenayah kad kredit sebagai bakal responden kita, tetapi kita boleh mengkaji pemegang-pemegang kad kredit sebagai responden kajian kita. Kita mungkin hanya dapat mengesan darjah potensi melakukan penyelewengan kad kredit. Misalnya, laluan boleh mengesan potensi tersebut dengan membina soal selidik yang memerlukan maklum balas daripada responden kepada kenyataan "Hukuman terhadap penjenayah kad kredit masa kini adalah sangat setimpal". Responden boleh menyatakan pandangan beliau mengenai kenyataan tersebut dengan memilih mana-mana satu titik sama ada sangat tidak setuju kepada sangat setuju. Soalan ini pun dibuat berdasarkan laporan polis menyatakan penyelewengan yang berleluasa terjadi adalah disebabkan hukuman yang tidak setimpal. Jadi, bagi mereka yang sangat setuju dengan kenyataan tersebut adalah merupakan mereka yang sangat berpotensi untuk melakukan penyelewengan dan begitulah sebaliknya. Daripada contoh ini kita dapati ia memerlukan daya kreativiti yang tinggi, supaya sesuatu penyelidikan yang hendak dilakukan berkeupayaan untuk menyingkap ilmu pengetahuan baru. Kalau tidak mahir, kemungkinan besar penyelidikan yang dilakukan tidak menghasilkan sebarang pengetahuan baru.

Oleh kerana kita sudah faham bahawa penyelidikan merupakan satu seni untuk menyingkap (*the art of discovery*) pengetahuan baru, ini membayangkan kepada kita

bahawa ilmu telah pun sedia ada. Oleh itu kerja penyelidik ialah menyingkap penutup ilmu tersebut dengan pelbagai **teknik**. **Ini** memberi erti kepada kita bahawa jika **kita** tidak dapat memperoleh sesuatu pengetahuan baru selepas membuat penyelidikan, mungkin kaedah (metod) **yang** digunakan belum sempurna. Ekoran daripada itu, kerap juga di dapati hasil-hasil kajian terdahulu telah dinafikan oleh kajian-kajian terkemudian disebabkan kaedah yang berlainan digunakan bagi memahami masalah yang sama. Umpamanya kenapa lebih dua puluh tahun dahulu para ahli perubatan marah kepada **orang** kampung yang menjual telur ayam dan wang jualan digunakan untuk membeli ikan. Kata ahli perubatan pada masa itu, telur ayam banyak zat dan berkhasiat. Bagaimana pula pandangan ahli perubatan terhadap telur ayam masa kini. Kata mereka pula, telur mengandungi kolestrol paling tinggi **yang** boleh menyebabkan penyakit darah tinggi dan seumpamanya. Apakah kolestrol di dalam telur ayam itu baru wujud, ataupun ia telah sedia **ada**? Tentu semua kita bersetuju bahawa ia telah sedia wujud, cuma kemampuan kita sahaja **yang** akan menentukan **sama** ada kita dapat mengesan kolestrol itu atau sebaliknya. Selain itu pengetahuan tentang perkaitan kolestrol dengan penyakit darah tinggi dan seumpamanya juga diperlukan. Ini menunjukkan bahawa penyelidikan ialah proses **untuk mencari** pengetahuan baru, bukan mencipta pengetahuan.

Berdasarkan perbincangan di atas bolehlah kita fahami bahawa semua pengetahuan itu telah disediakan oleh Allah. Al Quran menyediakan pelbagai petunjuk dapatan kajian yang tidak dapat dipertikaikan dalam bentuk prinsip, maka menjadi tugas kita untuk menyelidikinya bagi memahami pengetahuan tersebut untuk kegunaan manusia sejagat. Sebagai contoh, **pasir** merupakan bahan terbaik **untuk** membina jalan raya. Ini disebabkan sifat **pasir** yang **kukuh** apabila terkena air, misalnya pantai yang berpasir amat kejap, hingga kita boleh berkenderaan di atasnya berbanding dengan **pasir** kering. Pada masa **yang sama**, pasir membenarkan air melalui butir-butirannya menyebabkan air tidak bertakung. Pembinaan jalan raya terutama di kawasan berair seperti sepanjang jalan dari Simpang Kuala ke Kuala **Kedah** dan Tanah Merah ke Jitra menggunakan pasir di bawah jalan **raya** tersebut bagi mengelakkan keadaan berair berterusan, yang akhirnya akan melemahkan struktur jalan yang dibina. Kaedah penggunaan pasir sebagai bahan binaan jalan **raya** baru beberapa tahun kebelakangan ini sahaja digunakan.

Sebenarnya Al **Qwan** ada menyatakan **perkara** ini semasa berlaku perang Badar iaitu lebih **1400** tahun dahulu yang bermaksud “**Dan** diturunkannya ke atas kamu dari langit air, supaya dibersihkan kamu dengannya, dan dihapuskan daripada kamu was-was syaitan dan supaya dikuatkan ke atas hati kamu dan ditetapkannya telapak kaki kamu” (8:11). Menurut tafsiran yang diberi oleh Hamka (1982), pada malam sebelum berlakunya peperangan Badar, diturunkan hujan oleh Allah bagi membekalkan air kepada tentera Islam, sekali gus menyegarkan badan tentera yang keletihan membuat persediaan menghadapi **peperangan**. **Ini** juga menyenangkan pandangan apabila kebersihan **pasir**

muncul setelah terkena air serta menjadikan pasir keras yang senang untuk dipijak dan tidak menyusahkan tentera **untuk** berperang. **Ini** menunjukkan secara prinsipnya Allah telah menceritakan hasil kajian mengenai sifat pasir apabila terkena air dan **kegunaannya untuk** kehidupan manusia.

PENYELIDIKAN DAN PENGURUSAN

Aktiviti penyelidikan **terus** berlaku dan dilakukan oleh kita semua, **sama** ada secara sedar ataupun tidak. Aktiviti penyelidikan mungkin lebih ketara bagi mereka yang terlibat dengan kerjaya yang menjalankan penyelidikan secara khusus, umpamanya sebahagian pekerja Institut Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI), Institut Penyelidikan **Getah** Malaysia (RRI), institusi-institusi pengajian tinggi dan sebagainya. Seorang pengurus juga sering melakukan kerja-kerja penyelidikan, cuma darjah kedalaman pelaksanaannya mungkin berbeza-beza. Umpamanya **pengurus** sering membuat keputusan. Sebelum sesuatu keputusan diambil beliau seharusnya mempunyai maklumat tertentu bagi membantu untuk membuat keputusan yang munasabah. **Proses** mendapatkan maklumat ini perlu kepada satu usaha yang bersungguh-sungguh. Dalam banyak keadaan, maklumat yang didapati tidak lengkap. Kebanyakan maklumat diperolehi dalam bentuk data mentah yang perlu kepada satu proses, olahan, adunan dan sebagainya, supaya ia menjadi bermakna kepada orang yang memerlukannya. Aktiviti sebegini **sudah** tentu memerlukan satu bentuk penyelidikan. Pengurus mungkin tidak perlu melaksanakan penyelidikan sendiri, beliau boleh menyuruh pihak lain melakukan bagi pihaknya. Seorang pengurus seharusnya pandai menggunakan maklumat hasil kajian. Dengan ini kita dapat faham bahawa kerja penyelidikan mungkin tidak dilakukan oleh seorang pengurus, tetapi pengetahuan tentang penyelidikan amat diperlukan oleh seorang pengurus. Pengetahuan seperti ini penting kerana setidak-tidaknya apabila meminta pihak lain melakukan penyelidikan bagi pihaknya, dia harus tahu apakah jenis dan bentuk maklumat **yang** diperlukan. Umpamanya jenis kajian tertentu yang dikatakan baik dan boleh diterima **pakai** bagi membantunya membuat keputusan yang munasabah.

Di antara objektif menjalankan penyelidikan ialah untuk mendapatkan maklumat, menilai maklumat dan menggunakannya dalam proses membuat keputusan. Kenapakah maklumat itu penting? Maklumat sering dikaitkan dengan kekuasaan, sumber kewangan, penyokong dan dijadikan alat untuk mengesan peluang dan masalah. Sebagai contoh kedudukan seorang yang berpangkat dapat digugat apabila banyak maklumat tidak baik mengenainya diketahui oleh satu pihak lain, terutama jika pihak yang bermaklumat itu berada dalam kedudukan yang lebih tinggi daripadanya. Begitu juga bagi sesebuah syarikat yang mempunyai banyak maklumat tentang sebuah syarikat pesaing menjadi lebih berani bersaing dengan pesaingnya. Selain daripada itu maklumat juga boleh diniagakan, terutama maklumat yang berasaskan **hasil** kajian yang sempurna. Kita juga


mudah berhujah atau mempertahankan pendapat, pandangan, cadangan dan seumpamanya jika kita ada maklumat untuk menyokongnya, lebih-lebih lagi maklumat-maklumat yang menyokong tersebut didasarkan kepada hasil kajian yang baik. Dengan maklumat yang cukup juga membolehkan kita mengesan peluang ataupun ancaman yang ada di hadapan kita sebagai individu atau organisasi. Sebagai contoh kita tidak mudah ditipu jika kita ada maklumat lengkap mengenai sesuatu barangan yang ingin dibeli, bahkan kita berpeluang untuk mendapat barangan yang bermutu dengan harga yang munasabah. Begitu juga bagi seorang pemilik kenderaan tidak mudah diperdaya oleh mekanik kereta apabila diserahnya kereta kepada mekanik tertentu untuk dibaiki, jika dia mengetahui dengan jelas jenis masalah dan kerosakan dihadapi terlebih dahulu. Apatah lagi jika kita mewakili organisasi tempat kita bekerja, maka maklumat amat penting bagi kita untuk membolehkan kita merebut peluang yang ada dan pada masa yang sama kita akan lebih bersedia untuk menghadapi ancaman yang wujud.

PUNCA PENGETAHUAN

Bagaimanakah kita mengetahui sesuatu perkara? Salah satu cara ialah dengan membuat penyelidikan seperti yang dibincangkan di atas. Sungguhpun begitu, tidak semua pengetahuan yang ada pada kita berpunca daripada penyelidikan. Kadang kala kita langsung tidak tahu daripada mana ia datang. Umpamanya kenapa kebanyakan orang, tidak kira sama ada ia orang yang cerdik pandai atau orang biasa yang tidak berpelajaran tinggi percaya bahawa nombor 13 adalah sial. Terdapat kepercayaan di kalangan masyarakat Cina bahawa **angka 8** adalah bertuah dan **angka 4** tidak baik. Apakah kajian secara saintifik telah dibuat dan mengesahkan perkara tersebut. Hakikatnya perkara itu telah diterima sebagai satu ilmu dan diiktiraf kesahihannya. Sebenarnya punca pengetahuan boleh timbul daripada satu bentuk gaya pemikiran yang tinggi lagi sistematik (*highly systematic style of thinking*) hinggalah kepada satu pendapat yang tidak pernah diuji kesahihannya (*untested opinion*) (Cooper, 1995). Secara grafiknya punca pengetahuan boleh dilakarkan seperti berikut:

-

Rajah 1 : The Sources of Knowledge
 [Sumber: Cooper & Emory (1 995)]



PERPUSTAKAAN SULTANAH BAHYAN
 Universiti Utara Malaysia

Berdasarkan rajah di atas punca ilmu bermula daripada satu pandangan yang tidak teruji (*untested opinion*) seperti kepercayaan kaum Cina bahawa angka lapan adalah bertuah dan baik, sementara angka empat tidak baik, kemudian diikuti dengan satu kes sudah cukup untuk menjadi bukti (*literary*). Ada orang berpendapat apabila terlibat dengan dakwah, pelajar gagal dalam pelajaran, mungkin pandangan ini hanya berdasarkan satu dua kes sahaja. Kalau ini dianggap benar, pelajar yang terlibat dengan

pergaulan bebas juga boleh dikatakan gagal dalam pelajaran, kerana tidak kurang juga pelajar gagal kerana terlibat dengan pergaulan bebas.

Sumber pengetahuan juga mungkin datang daripada seseorang yang berautoriti dalam bidang tertentu (*method of authority*). Sebagai contoh kata-kata pemimpin sering dianggap benar dan berautoriti, walaupun kadang kala pemimpin berkenaan bercakap bukan dalam bidang kepakarannya. Di dalam dunia pengetahuan, pandangan orang yang benar-benar pakar dalam bidangnya sering diiktiraf sebagai sumber pengetahuan yang sah. Umpamanya dalam hal koperasi Profesor DiRaja Ungku Aziz diiktiraf sebagai orang yang berautoriti dalam bidang berkenaan. Profesor Khoo Kay Kim ialah orang yang berautoriti dalam sejarah manakala Profesor Awang Had Salleh ialah orang yang berautoriti dalam bidang bahasa, begitu juga dengan tokoh lain di peringkat antarabangsa seperti Kotler dalam bidang pemasaran, Drucker dalam bidang pengurusan, Yukl dalam kepimpinan dan sebagainya.

Sumber pengetahuan seterusnya ialah kaedah saintifik (*scientific method*). Ini merupakan satu kaedah yang dibuktikan dengan penyelidikan berasas pengumpulan data secara empirikal. Contohnya kajian untuk melihat keberkesanan pelbagai jenis ganjaran terhadap prestasi pekerja sesebuah syarikat. Contoh lain kajian untuk mengesan faktor yang boleh mempengaruhi prestasi seseorang pekerja dan sebagainya.

Selain daripada itu, terdapat sumber pengetahuan yang diiktiraf iaitu tidak perlu dibukti (*self-evident truth*). Sebagai contoh, dari segi fizikal wanita lebih lemah berbanding dengan lelaki. Selain itu, lelaki tidak boleh hamil dan melahirkan anak. Satu sumber lagi ialah postulasi (postulational). Salah satu bentuk postulasi ialah simulasi. Sumber berdasarkan kaedah simulasi berupaya mengesan apa yang akan berlaku di masa hadapan seperti kerja penyelidikan di makmal angkasa lepas. Para angkasawan dan ahli sains membuat simulasi penerbangan kapal angkasa di bumi untuk mengenal pasti kaedah yang paling sesuai sebelum benar-benar melakukan penerbangan ke angkasa lepas.

Oleh itu, daripada semua sumber pengetahuan yang telah diketengahkan, kita dapati sumber pengetahuan yang sering dikira sebagai sumber yang berasaskan penyelidikan ialah pengetahuan yang dihasilkan oleh kajian yang menggunakan kaedah saintifik. Sementara simulasi ialah kaedah saintifik yang paling tinggi.

PENYELIDIKAN SAINTIFIK

Penyelidikan saintifik ialah proses penyelesaian masalah secara logik, teratur dan mendalam dalam aspek penentuan masalah, pengumpulan dan menganalisis data serta

membuat kesimpulan tertentu. Oleh itu kajian saintifik bukanlah satu khayalan, pengalaman semata-mata ataupun intuisi, tetapi kajian saintifik mempunyai tujuan yang jelas dan dibuat secara bersungguh-sungguh. Oleh kerana itu setiap perkara yang ditulis, diguna pakai dan dibina dalam sesuatu penyelidikan saintifik mesti ada asas sandaran. Penyelidik mesti jelas kenapa dia berbuat demikian. Umpamanya, katakan satu kajian melibatkan 200 sampel. Penyelidik mesti tahu alasannya, kenapa 200, tidak 201 atau 199 atau sebagainya. Begitu juga sampel yang dipilih, kenapa si A atau si B yang terpilih untuk menyertai kajian **kita**, tidak si C atau D dan sebagainya. Pendek kata segala perkara yang terlibat dalam sesuatu penyelidikan saintifik itu mesti beralasan, termasuklah tujuan kajian, permasalahan kajian, skop kajian, reka bentuk kajian yang dipilih dan lain-lain lagi.

Sungguhpun semua langkah penyelidikan saintifik dipatuhi, namun hasil pengetahuan yang dihasilkan penyelidikan saintifik masih boleh dipertikaikan. Hasil kajian saintifik hanya betul berdasarkan perkara yang diambil kira dalam sesuatu kajian itu sahaja. Data yang dikutip hanya betul pada masa data itu dikutip sahaja. Itu pun dengan syarat semua langkah penyelidikan saintifik telah dipatuhi. Di antara sebab yang menjadi halangan utama untuk mencapai tahap penyelidikan bermutu tinggi ialah:

1. Faktor subjektiviti, iaitu sukar untuk mengukur atau mengutip data berkenaan perkara tertentu, terutama yang berkaitan dengan perasaan, emosi, sikap, persepsi dan seumpamanya.
2. Pelbagai limitasi, iaitu penyelidik tidak mampu mengambil kira semua faktor yang ada kaitan bagi satu-satu penyelidikan itu. Penyelidik terpaksa memilih beberapa faktor yang dianggap penting atau yang diminati sahaja bagi satu-satu penyelidikan itu. Tambahan pula penyelidik sering menghadapi kekangan kewangan, masa, tenaga, peralatan dan sebagainya. Di samping itu penyelidik juga sukar untuk mendapatkan sampel **kajian** yang benar-benar mewakili populasi kajian. Boleh dikatakan kebanyakan kajian mempunyai hubungan yang rapat dengan keupayaan dari segi kewangan, masa, tenaga dan peralatan.
3. Bertitik tolak daripada dua masalah di atas, **maka** penyelidik terpaksa membuat beberapa andaian bagi membolehkan penyelidikan diteruskan. Umpamanya bagi mengukur darjah keenakan sejenis makanan atau buah-buahan, penyelidik terpaksa menggunakan unit'utiliti, iaitu satu nilai yang diberi secara objektif, umpamanya kita dapat menentukan keenakan buah manggis dengan nilai sejumlah unit utiliti tertentu. Halukak sebenarnya luta tidak dapat menyatakan unit keenakan tersebut. Begitu juga bila banyak faktor yang boleh mempengaruhi sesuatu perkara yang ingin dikaji, dan pada masa yang sama penyelidik tidak mampu untuk mengambil kira semua faktor,

maka penyelidik biasanya menganggap faktor yang tidak diambil kira sebagai tidak mempengaruhi.

Oleh itu kita sebagai penyelidik **harus** berhati-hati dalam membincang atau mengetengahkan hasil kajian kita. Pandangan yang dikeluarkan mestilah berdasarkan hasil kajian saintifik yang dijalankan. Hujah kita hendaklah mempunyai justifikasi atau alasan yang jelas. Umpamanya kita boleh menyatakan kita tidak cukup bukti untuk menerima atau menolak sesuatu hipotesis **yang** diuji. Jangan **kita** katakan secara mutlak tentang hasil kajian kita. Sehubungan itu, penyelidik harus berterus terang dalam semua aspek penyelidikan yang dilakukan, terutamanya tentang metod kajian. **Ini** memudahkan pembaca atau penyelidik lain menilai dengan saksama pengetahuan baharu yang dihasilkan oleh penyelidikan saintifik tersebut.

RUMUSAN

Penyelidikan merupakan satu seni untuk menyingkap ilmu pengetahuan baharu. Seseorang pengurus mungkin tidak perlu menjalankan penyelidikan, tetapi ilmu tentang penyelidikan **harus** diketahuinya bagi membantu beliau memantau sesuatu penyelidikan **dan** juga untuk menggunakan hasil penyelidikan bagi membuat keputusan **yang** lebih jitu. Punca ilmu pengetahuan berpunca daripada pelbagai sumber iaitu bermula dari satu pandangan yang tidak pernah diuji kesahihannya hinggalah kepada satu keadaan seolah-olah sudah diketahui apa yang akan berlaku pada masa akan datang, iaitu melalui kaedah simulasi dalam penyelidikan. Namun begitu, pengetahuan yang dihasilkan oleh penyelidikan saintifik masih boleh dipertikaikan. Ini disebabkan penyelidik terpaksa berhadapan dengan masalah subjektiviti, berbagai limitasi dan terpaksa membuat beberapa andaian bagi membolehkan sesuatu penyelidikan saintifik dilaksanakan.

RUJUKAN

Cooper, D. R. & Emory, C.W. (1995). **Business Research Method** (5th Ed.). Chicago: Irwin.

Hamka (1982). **Tafsir Al Azhar**. Juzuk 9. Surabaya: Yayasan Latimojong.

Sakaran, U. (2000). **Research Method for Business: A Skill Building Approach**. (3rd Ed.). Singapore: John Wiley & Sons.

Yayasan Penyelenggara Penterjemahan/Pentafsir Al Quran (1971). **Al Quran dan Terjemahnya**. Mujamma' Al Malik Fahd Li Thiba'at Al Mus-Haf Asy-Syarif: Medinah Munawwarah.